



جامعة سلطان زaine العابدين  
**UniSZA**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

# GARIS PANDUAN PhD INDUSTRI



# **Garis Panduan**

## ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN .....	1
2.0	DEFINISI .....	2
2.1	PhD Industri.....	2
2.2	Industri.....	2
2.3	Kerjasama Universiti-Industri.....	2
2.4	Penyeliaan Industri .....	2
2.5	Pelajar .....	2-3
3.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB .....	4
3.1	Universiti.....	4
3.2	Industri.....	4
3.3	Pusat Pengajian Siswazah .....	5
3.4	Fakulti/Institut .....	5
3.5	Penyelia Akademik .....	5
3.6	Penyelia Industri.....	6
3.7	Pelajar PhD Industri.....	6
4.0	PANDUAN PELAKSANAAN .....	5
4.1	Panduan Am Mod PhD Industri .....	7
4.2	Syarat Pendaftaran Pengajian Mod PhD Industri .....	7
4.3	Penilaian dan Penganugerahan .....	8
4.4	Penyeliaan PhD Industri .....	8
5.0	DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN .....	9
6.0	SUMBER RUJUKAN.....	9

## **GARIS PANDUAN PhD INDUSTRI**

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 PhD Industri ialah mod pengajian kedoktoran yang menyediakan satu laluan alternatif kepada calon pelajar warganegara dan bukan warganegara Malaysia untuk mendapat kelayakan PhD. PhD Industri memberi tumpuan kepada para profesional dan pengamal industri dalam menghasilkan inovasi dan peningkatan daya saing melalui penyelidikan berasaskan industri. Program ini adalah insentif kerajaan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan antara pengamal industri dan ahli akademik dalam melahirkan profesional yang berpengetahuan tinggi. Ia adalah satu program sepenuh masa/separuh masa di mana calon pelajar mempunyai peluang untuk menjalankan penyelidikan mereka di organisasi atau industri masing-masing.
- 1.2 PhD Industri menawarkan laluan alternatif untuk pengamal industri yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah PhD tanpa meninggalkan tempat kerja mereka. Program ini dibangunkan untuk menggalakkan perkongsian ilmu dalam kalangan pengamal industri dan ahli akademik dalam melahirkan profesional berpengetahuan tinggi. Program ini bertujuan untuk memberi inspirasi kepada inovasi dan meningkatkan daya saing dalam industri melalui penyelidikan berasaskan industri melalui kerjasama dengan UniSZA.
- 1.3 Garis Panduan PhD Industri disediakan sebagai panduan kepada staf akademik, pelajar dan pihak berkepentingan dalam melaksanakan program PhD dengan mod PhD Industri. Ianya dapat membantu pihak berkepentingan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan program dan kejayaan pengajian PhD oleh tenaga profesional di industri.
- 1.4 Garis Panduan PhD Industri hendaklah dibaca bersama Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan, Panduan Penyeliaan, *Standards: Master's and Doctoral Degree* dan lain-lain panduan yang berkuatkuasa.

## **2.0 DEFINISI**

### **2.1 PhD Industri**

PhD Industri adalah satu bentuk mod pengajian PhD. Ia adalah bentuk pengajian sepenuh masa/separuh masa pascasiswa di mana calon pelajar mendaftar sebagai pelajar sepenuh masa/separuh masa tetapi menjalankan penyelidikan di organisasi atau industri.

### **2.2 Industri**

Industri adalah organisasi atau syarikat yang merupakan majikan kepada pelajar yang mendaftar program PhD Industri UniSZA.

### **2.3 Kerjasama Universiti-Industri**

Dalam melaksanakan program PhD Industri, kerjasama UniSZA dengan pihak industri perlu diwujudkan secara rasmi dengan memeterai dokumen kerjasama seperti Memorandum Persefahaman (MoU), Perjanjian Persefahaman (MoA), Perjanjian Kerjasama (CA) atau Surat Kerjasama (LoC) dan Surat Niat (Lol) mengikut termayang telah dipersetujui bersama.

### **2.4 Penyeliaan**

Setiap pelajar yang mendaftar program PhD Industri akan diselia oleh sekurang-kurangnya seorang penyelia akademik dan seorang penyelia industri seperti berikut:-

- a) Penyelia Akademik adalah staf akademik dari UniSZA yang memenuhi kelayakan pelantikan penyeliaan PhD sepetimana *Standards: Master's and Doctoral Degree* dan Polisi Penyeliaan UniSZA.
- b) Penyelia bersama dari industri atau pengamal mestilah sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana dan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan pada tahap yang sesuai dengan tesis tersebut. Jawatan/gred penyelia industri lebih kanan daripada calon pelajar di industri yang sama.

## 2.5 Pelajar

Pelajar merupakan tenaga kerja profesional di industri yang mengikuti pengajian PhD sepenuh masa/separuh masa di UniSZA.

### **3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

#### **3.1 Universiti**

- a) Mewujudkan kerjasama secara rasmi dengan industri yang berkaitan.
- b) Memastikan kerjasama memenuhi terma persefahaman atau perjanjian yang telah dipersetujui bersama.
- c) Memastikan kerjasama adalah aktif sepanjang tempoh pengajian pelajar.

#### **3.2 Industri**

- a) Memastikan kerjasama memenuhi terma persefahaman atau perjanjian yang telah dipersetujui bersama.
- b) Memastikan kerjasama adalah aktif sepanjang tempoh pengajian pelajar.
- c) Mengenal pasti kajian dalam industri sebagai kajian penyelidikan PhD pelajar.
- d) Memastikan komitmen berterusan kepada calon pelajar untuk menyempurnakan kajian penyelidikan mereka.
- e) Menyediakan sumber penyelidikan dan menyediakan Penyelia Industri untuk pelajar.

#### **3.3 Pusat Pengajian Siswazah**

- a) Menguruskan pengambilan calon pelajar PhD Industri.
- b) Memastikan pelaksanaan mod PhD Industri memenuhi *Standards: Master's and Doctoral Degree* dan Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan.
- c) Memastikan pelaksanaan pengajian PhD Industri memenuhi terma persefahaman atau perjanjian yang telah dimeterai oleh kedua-dua pihak.
- d) Menyediakan latihan kemahiran penyelidikan dan penyeliaan bagi kelancaran pelaksanaan kajian penyelidikan kepada Penyelia Akademik dan Penyelia Industri.

e) Menyelaras dan mengurus pelaksanaan program PhD Industri.

### 3.4 Fakulti/Istitut

- a) Menyediakan program akademik yang berkualiti dan diiktiraf.
- b) Memastikan pelaksanaan pengajian PhD Industri memenuhi terma persefahaman atau perjanjian yang telah dimeterai oleh kedua-dua pihak.
- c) Mencalonkan Penyelia Akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang bersesuaian dengan kajian penyelidikan pelajar.
- d) Memastikan proses penyeliaan dan pengajian pelajar PhD Industri memenuhi keperluan *Standards: Master's and Doctoral Degree* terkini, Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan, Polisi Penyeliaan dan lain-lain peraturan-peraturan universiti yang berkuatkuasa.

### 3.5 Penyelia Akademik

- a) Memberi khidmat penyeliaan berkualiti yang boleh membantu perkembangan penyelidikan pelajar ke arah kecemerlangan akademik.
- b) Menjalankan penyeliaan pelajar PhD Industri bersama Penyelia Industri bagi kajian penyelidikan yang dijalankan.
- c) Mengadakan sesi pertemuan dengan pelajar bagi membolehkan pelajar mendapat khidmat nasihat berkaitan akademik dan penyelidikan.
- d) Memastikan pelaksanaan pengajian PhD Industri memenuhi terma persefahaman atau perjanjian yang telah dimeterai oleh kedua-dua pihak.
- e) Memastikan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar memenuhi kesarjanaan PhD.

### 3.6 Penyelia Industri

- a) Penyelia Industri perlu memberi khidmat penyeliaan dan sokongan serta memastikan adanya kemudahan atau peralatan yang sesuai yang boleh membantu perkembangan penyelidikan pelajar selari dengan kehendak dan perancangan industri.
- b) Memastikan pelaksanaan kajian dan pengajian PhD Industri memenuhi terma persefahaman atau perjanjian yang telah dimeterai oleh kedua-dua pihak.
- c) Memantau atau menyelia pelajar PhD Industri bersama Penyelia Akademik di industri atau di tempat kajian penyelidikan dijalankan dengan memastikan mereka mematuhi peraturan dan peruntukan industri.
- d) Memperuntukkan masa yang sesuai bagi membolehkan pelajar mendapat khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan kajian penyelidikan.
- e) Memastikan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar memenuhi kesarjanaan PhD serta menyumbang kepada peningkatan keupayaan dan prestasi industri.

### 3.7 Pelajar PhD Industri

- a) Mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh universiti dalam aspek pengajian akademik seperti mana yang digariskan dalam Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan.
- b) Menyelesaikan pengajian dan mematuhi semua syarat penganugerahan Ijazah PhD (PhD) serta mengamalkan dan mematuhi *Standards: Master's and Doctoral Degree*, Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan dan lain-lain peraturan-peraturan universiti yang berkuatkuasa.

## **4.0 PANDUAN PELAKSANAAN**

Prosedur dan panduan berikut disediakan untuk memastikan pelaksanaan PhD Industri dijalankan dengan berkesan.

### **4.1 Pandun Am PhD Industri**

- a) PhD Industri bukan satu bentuk program pengajian, tetapi merupakan mod pelaksanaan pengajian PhD secara sepenuh masa/separuh masa di tempat kerja.
- b) Pelaksanaan PhD Industri adalah berbeza dengan pelaksanaan PhD secara konvensional dengan skop kajian penyelidikan adalah lebih sesuai dengan keperluan industri bagi menyediakan tenaga pakar di peringkat PhD yang lebih berorientasikan perindustrian.
- c) PhD Industri merupakan program kerjasama antara UniSZA dengan industri untuk pembangunan modal insan peringkat PhD.
- d) UniSZA dan pihak industri telah menjalin hubungan secara rasmi dengan memeterai dokumen kerjasama seperti Surat Niat (LoI), Memorandum Persefahaman (MoU) Perjanjian Persefahaman (MoA)Perjanjian Kerjasama (CA) atau Surat Kerjasama (LoA) mengikut terma yang telah dipersetujui bersama.
- e) Topik dan skop penyelidikan adalah bidang pengkhususan calon pelajar berdasarkan masalah sebenar industri yang mempunyai potensi dalam meningkatkan keupayaan dan prestasi operasi, perkhidmatan dan pengurusan syarikat.
- f) Kajian penyelidikan siswazah dilaksanakan di industri yang menyertai program PhD Industri UniSZA serta menawarkan kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembelajaran di fakulti.
- g) Semua program pengajian PhD UniSZA boleh dilaksanakan secara PhD Industri.
- h) Tempoh pengajian adalah 3-5 tahun.

### **4.2 Syarat Pendaftaran Pengajian PhD Industri**

#### **4.2.1 Kajian PhD telah dikenal pasti oleh pihak industri dan diluluskan**

oleh universiti dan akan dijalankan oleh pelajar di industri.

- 4.2.2 Calon pelajar mestilah seorang tenaga kerja profesional sepanjang tempoh pengajian mereka mengikuti pengajian peringkat PhD.
- 4.2.3 Calon pelajar bersetuju menerima tawaran PhD Industri.

#### 4.3 Penyeliaan PhD Industri

- 4.3.1 Penyelidikan kajian PhD Industri akan dijalankan di industri yang terlibat.
- 4.3.2 Penyelia Akademik UniSZA akan menyelia penyelidikan dengan membuat lawatan ke industri untuk mengadakan perundingan dan bimbingan.
- 4.3.3 Setiap pelajar akan diselia sekurang-kurangnya dua orang penyelia, iaitu Penyelia Akademik dan Penyelia Industri yang diperakui oleh Jawatankuasa Pascasiswazah Fakulti.
- 4.3.4 Penyeliaan dan laporan pertemuan perlu direkodkan bersama oleh pelajar, Penyelia Akademik dan Penyelia Industri seperti mana kelaziman menggunakan sistem penilaian pelajar.

#### 4.4 Penilaian dan Penganugerahan

- 4.4.1 Pelajar perlu mengikuti dan lulus kursus Metodologi Penyelidikan.
- 4.4.2 Penilaian kemajuan penyelidikan pelajar setiap semester akan dilakukan oleh Penyelia Akademik dan Penyelia Industri.
- 4.4.3 Kaedah penilaian, peperiksaan dan perlantikan penilai akan dibuat oleh UniSZA dan perlu memenuhi peraturan dan prosedur sedia ada.
- 4.4.4 Penganugerahan ijazah PhD adalah tertakluk kepada memenuhi syarat dan keperluan pengijazahan sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan dan kelulusan Senat Universiti.

#### 4.5 Yuran Pengajian PhD Industri

- 4.5.1 Struktur yuran adalah mengikut yuran pengajian program pascasiswazah mod penyelidikan bagi pelajar tempatan dan

antarabangsa.

## 5.0 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

- i. *Standards: Master's and Doctoral Degree*
- ii. Peraturan Akademik Siswazah Mod Penyelidikan
- iii. Polisi Penyeliaan
- iv. Syarat Kemasukan Pelajar Pascasiswa

## 7.0 SUMBER RUJUKAN

- i. Agensi Kelayakan Malaysia. (2021). *Master's and Doctoral Degree Standards* (Edisi Ketiga).
- ii. Kod Amalan Pengajian Doktoral Industri, Universiti Teknologi Malaysia (2018).
- iii. Universiti Malaysia Kelantan. (2022). Peraturan Akademik Pengajian Siswazah Secara Penyelidikan(Edisi Kelima).
- iv. Universiti Putra Malaysia. (n.d.). PhD by Industry.
- v. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (n.d.). Postgraduate@Industry (Master & Phd).
- vi. University of Malaya. (n.d.). Guideline for the Industrial PhD Program.



PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH  
(GRADUATE SCHOOL)  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN  
KAMPUS GONG BADAK  
21300 KUALA NERUS  
TERENGGANU.



TEL: +609 6688791/8795  
FAX: +609 6687862  
EMAIL: [pps@unisza.edu.my](mailto:pps@unisza.edu.my)